

29 AUG 2003

Sukan-MME

PASUKAN BSA RACING TEAM KUASAI PUSINGAN KELAYAKAN MME

SEPANG, 29 Ogos (Bernama) -- Pasukan BSA Racing Team, yang julung kali menyertai perlumbaan lasak Merdeka Millenium Endurance (MME) tahun ini, menguasai pusingan kelayakan dengan menempah dua petak teratas dengan catatan masa terpanjang di Litar F1 Sepang di sini hari ini.

Pasukan BSA yang terdiri daripada Stuart Moseley, Simon Moulton dan Kozi Kalaitzidis membuktikan bahawa kereta import baru dari Britain, jenis BSA-Radical SR3 Super Sports itu, mampu memberi cabaran baru kepada pasukan berpengalaman dalam perlumbaan tahunan itu.

Dalam pusingan kelayakan selama 45 minit, Moseley mencatatkan masa terpanjang dengan 2 minit 15.184 saat pada lap pertama.

Satu lagi pasukan BSA Racing Team, gandingan Wolf Henzler, Jimmy Low dan Marco Seefried dengan kereta Porsche GT3, mencatatkan masa kedua terpanjang dengan 2:16.869 saat pada lap kesembilan.

Pasukan ketiga BSA Racing Team yang diketuai oleh Datuk Ali Abdul Kadir, Datuk Azhar Mansor dan Adian Yein Khalid dengan kereta Ferrari F355 merupakan pasukan terakhir melayakkan diri pada sesi kelayakan dengan mencatatkan masa terbaik mereka iaitu 2:34.614 saat.

Sementara itu, tempat ketiga menjadi milik pasukan Amprex Motorsports yang terdiri daripada Genji Hashimoto, Charles Kwan dan M. Marsh. Memandu kereta BMW M3 GT, pasukan itu mencatatkan masa 2:17.057 saat.

Pasukan Jaseri Racing Team yang dianggotai Datuk Mokhzani Mahathir, Alex Yoong dan Faizal Hakimi Jaafar, menempah tempat keempat dengan catatan masa 2:18.527 saat. Pasukan itu memandu kereta Porsche GT3.

Pemilik BSA Racing Team, anak syarikat BSA Motorsports Sdn Bhd, Datuk Dr Cam Soh Thiam berkata kejayaan hari ini merupakan petanda baik bagi pasukan dan juga untuk kereta baru syarikat itu.

"Saya harap, kita akan berada di "podium" malam esok," katanya kepada pemberita di sini.

Edisi keempat MME tahun ini akan bermula 10 pagi hingga 10 malam esok. Sebelum ini, perlumbaan pada tiga edisi lepas bermula pada pukul 10 malam pada 30 Ogos dan tamat pada 10 pagi pada Hari Kebangsaan.

-- BERNAMA

ZAS RV DC LAT